

20/11/1997

Isu Kongres Amerika tarik perhatian antarabangsa

TINDAKAN 34 ahli Kongres Amerika Syarikat mendesak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletak jawatan, kejatuhan nilai mata wang negara Asia dan langkah Amerika mahu menyiasat Petronas kini menjadi isu antarabangsa.

Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, berkata isu itu bukan setakat membabitkan Malaysia dan Amerika, malah menarik perhatian seluruh dunia.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Abdul Rahman Sulaiman (BN-Parit Buntar) di Dewan Rakyat, semalam.

Minggu lalu, 34 anggota Kongres Amerika diketuai anggota Demokrat Florida, Robert Wexler, menghantar draf resolusi di kongres itu dan meminta Perdana Menteri meminta maaf atau meletakkan jawatan berhubung kenyataannya mengenai Yahudi.

Amerika mahu menyiasat pembabitan Petronas dalam konsortium bersama Total SA (Perancis) dan Gazprom (Russia) dengan mengikat kontrak AS\$2 bilion (RM6.6 bilion) untuk melaksanakan projek pembangunan gas South Pars di perairan Iran.

Tindakan konsortium itu dikatakan menyalahi Akta Sekatan Iran-Libya (ILSA) 1996 yang diluluskan oleh Amerika.

Katanya, Wisma Putra sudah memaklumkan semua isu dan pendirian tegas kerajaan kepada pegawai kedutaan.

"Mereka sentiasa diberi taklimat mengenai perkembangan di Malaysia. Wisma Putra sentiasa memaklumkan kepada mereka pendirian kerajaan mengenai isu penting antarabangsa.

"Apa yang berlaku misalnya, berkaitan mata wang, kita sudah maklum kepada semua duta kita. Begitu juga dengan isu usul Kongres dan ura-ura pelaksanaan sekatan mengikut ILSA, kita juga sudah maklumkan.

"Ini bukan isu antara Malaysia dan Amerika tetapi ini adalah satu isu antarabangsa," katanya.

Menurutnya, walau apa pun tindakan Amerika, Malaysia tetap teguh dengan pendirian asalnya.

(END)